

PERTAHAN JATI DIRI

Bahasa Melayu terus mekar di selatan Thai

Narathiwat: Walaupun bahasa Thai ialah bahasa rasmi Thailand, komuniti Melayu Muslim di tiga wilayah selatan negara itu seperti Narathiwat, Yala dan Pattani terus teguh mempertahankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian yang diwarisi sejak turun-temurun.

Bahasa Melayu bukan sahaja masih digunakan secara meluas di perkampungan mahupun kawasan bandar di ketiga-tiga daerah itu, malah kekal sebagai medium utama interaksi sosial, sekali gus mencerminkan daya tahan identiti mereka.

Meskipun lazimnya dituturkan dalam dialek Melayu Pattani, ia mempunyai banyak persamaan dengan dialek Kelantan di Malaysia, sekali gus me-

nyebabkan budaya merentas sempadan antara dua wilayah berkenaan terjalin dengan erat.

Persamaan itu bukan sahaja memudahkan komunikasi, malah mengukuhkan hubungan sosial dan ekonomi antara penduduk di wilayah selatan Thailand dengan masyarakat di Kelantan yang sering ber-kunjung ke kawasan itu.

Bagi komuniti Melayu di sini, bahasa Melayu bukan sahaja melangkaui fungsi asas sebagai alat komunikasi tetapi juga lambang jati diri, kesinambungan sejarah dan budaya serta warisan nenek moyang.

Seorang penduduk tempatan di Narathiwat, Abdul

Rahman Yusof, 55, berkata, bahasa Melayu masih menjadi bahasa utama dalam kehidupan seharian masyarakat setempat.

Beliau berkata, bahasa itu digunakan ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga, jiran serta rakan-rakan, walaupun sistem pendidikan formal menggunakan bahasa Thai.

“Sejak kecil kami berca-

“Sejak kecil kami bercakap bahasa Melayu di rumah. Walaupun di sekolah kami belajar dalam bahasa Thai, bahasa Melayu tetap digunakan setiap hari”

Abdul Rahman Yusof

kap bahasa Melayu di rumah. Walaupun di sekolah kami belajar dalam bahasa Thai, bahasa Melayu tetap digunakan setiap hari,” katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Seorang peniaga makanan di Yala, Siti Mariam Hassan, 43, berkata, penggunaan bahasa Melayu turut memberi kelebihan dalam aktiviti ekonomi, khususnya urusan jual beli

bersama pelanggan dari Malaysia.

Beliau berkata, keakraban dialek antara Melayu Pattani dan Kelantan memudahkan komunikasi, sekali gus mewujudkan suasana mesra dalam urusan jual beli.

“Kadang-kadang mereka bercakap dialek Kelantan, kami masih boleh faham kerana bunyinya hampir serupa dengan dialek kami,” katanya.

Sementara itu, seorang guru agama di Pattani Ustaz Ahmad Abdullah berkata, bahasa Melayu juga memainkan peranan penting dalam pengajian agama di masjid dan institusi pondok.

Beliau berkata, kebanyakan kitab pengajian agama masih menggunakan tulisan Jawi yang berkait rapat dengan bahasa Melayu.

“Bahasa Melayu dan tulisan Jawi sangat penting dalam pendidikan agama kerana banyak kitab tradisional ditulis dalam bahasa itu,” katanya.

Tinjauan Bernama mendapati usaha komuniti Melayu di wilayah selatan Thailand mengekalkan penggunaan bahasa Melayu membantu memastikan warisan budaya itu terus dipelihara oleh generasi muda. Dalam konteks itu, bahasa Melayu bukan sekadar dipertahankan sebagai warisan tetapi terus dihidupkan sebagai nadi kehidupan seharian masyarakat setempat. - BERNAMA